

## PERISTIWA TAḤKĪM ANTARA ʿALĪ DAN MUʿĀWIYAH (TAHUN 36 H) : SUATU KAJIAN DAN PENGAJARAN

NURAZMALLAIL MARNI\*

**Abstrak.** Tulisan ini membincangkan Peristiwa Taḥkīm iaitu persetujuan antara Saidina ʿAlī dan Muʿāwiyah pada tahun 36 H untuk menerima keputusan wakil-wakil yang dilantik dalam menyelesaikan perselisihan antara mereka. Objektif kajian ini ialah untuk memberikan penjelasan menangani peristiwa tersebut. Kajian ini meliputi perbincangan dari beberapa aspek seperti faktor mendorong Peristiwa Taḥkīm, gambaran peristiwa pada peringkat permulaan dan peringkat perhimpunan wakil kedua pihak. Kajian ini juga membuat analisis terhadap faktor-faktor kegagalan Saidina ʿAlī menangani isu Tahkim dan justifikasi pendirian beberapa sahabat mengenai perantaraan ʿAlī sebagai khalifah. Fokus utama kajian tertumpu pada sejauhmana kebenaran cerita yang mengatakan bahawa wakil pihak Muʿāwiyah iaitu ʿAmr ibn Al-ʿĀṣ telah memperdayakan wakil pihak Saidina ʿAlī iaitu Abū Mūsā al-Aṣḥʿarī hingga berjaya melucutkan jawatan khalifah daripada Saidina ʿAlī dan mengekalkan kedudukan Muʿāwiyah. Kajian mendapati pendapat yang menerima cerita penipuan ʿAmr ibn Al-ʿĀṣ dalam majlis Taḥkīm lebih berdasarkan sumber riwayat, sementara pendapat yang menolak kesahihannya adalah berdasarkan hujah akal yang disokong oleh beberapa riwayat yang menjelaskan realiti sebenar peristiwa. Ini bermakna pandangan yang mengatakan bahawa Abū Mūsā al-Aṣḥʿarī adalah seorang yang bodoh sementara ʿAmr ibn Al-ʿĀṣ adalah seorang penipu, kurang pegangan agama dan tidak menepati janji merupakan pandangan yang salah dan perlu dijauhi.

*Kanta kunci:* Peristiwa Tahkim, Saidina ʿAlī, Muawiyah, ʿAmr ibn Al-ʿĀṣ, Abū Mūsā al-Aṣḥʿarī

**Abstract.** This article focusses on the event of tahkim; an agreement between Caliph ʿAlī and Muawiyah to enable their representatives discuss and find solution for their dispute. A thorough explanation is important in order to clear untruthful narration that surrounded the event. The discussion will include factors that led to the event, the developments of the event, and the meeting itself. This research will also focus on the factors which led to Caliph ʿAlī's failure in the tahkim as well as justifications of the companions on the appointment of ʿAlī as caliph. The main focus will be on whether ʿAmr ibn Al-ʿĀṣ manipulated and cheated ʿAlī's representative, Abū Mūsā al-Aṣḥʿarī loosing ʿAlī which led to his position as the caliph to Muawiyah. This research suggests that the current perceptions of Muslims on the issues are baseless and should be avoided.

*Key word:* Event of Tahkim, Caliph ʿAlī, Muawiyah, ʿAmr ibn Al-ʿĀṣ, Abū Mūsā al-Aṣḥʿarī

### 1.0 PENGENALAN

Penulisan sejarah Islam khususnya mengenai peristiwa yang berlaku pada zaman awal Islam mudah terdedah kepada beberapa elemen negatif yang mungkin

\* Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, MALAYSIA.

mencemarkan kesucian imej Islam dan peribadi mereka yang terlibat. Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh gaya penulisan sejarawan terdahulu yang kelihatannya lebih cenderung kepada metodologi penceritaan melalui riwayat dan kurang perbincangan mengenai kesahihannya dari sudut riwayat dan logik.

Kekeliruan mengenai isu-isu kontroversial zaman awal Islam juga disebabkan oleh musuh-musuh Islam yang berusaha untuk mencemar dan mengelirukan fakta sebenar sejarah. Tambah menyedihkan ialah terdapat sebilangan umat Islam yang membincangkan isu-isu tersebut tanpa mengkajinya dahulu lalu secara tidak sedar mereka telah menyebarkan fakta-fakta yang mengelirukan hasil ciptaan musuh.

Antara peristiwa yang perlu diberikan perhatian dan perbincangan secara ilmiah ialah Peristiwa Tahkim yang berlaku pada tahun 36 Hijrah. Ini kerana Peristiwa Tahkim melibatkan beberapa orang sahabat Nabi seperti Saidina <sup>°</sup>Alī ibn Abi Tālib, Mu<sup>°</sup>āwiyah ibn Abi Sufyān, Abū Mūsa al-Ash<sup>°</sup>arī dan <sup>°</sup>Amr ibn al-<sup>°</sup>Āṣ.

Peristiwa Tahkim merupakan salah satu peristiwa yang bersifat kontroversial dan menarik untuk dikaji. Terdapat pelbagai pandangan dan tafsiran mengenai peristiwa ini lantaran kesan dan pengaruhnya yang begitu besar kepada sejarah hingga membawa kepada kemunculan beberapa golongan seperti Khawārij dan Syiah. Melalui penulisan ini penulis berharap dapat memberikan suatu penjelasan yang lebih menyeluruh mengenai Peristiwa Tahkim di samping membetulkan beberapa kekeliruan terhadapnya.

## 2.0 DEFINISI TAHKIM

Perkataan '*al-tahkim*' dari sudut bahasa adalah masdar atau kata nama terbitan bagi '*ḥakkama*' yang bermaksud melantik seseorang menjadi hakim untuk mengadili sesuatu perkara.<sup>1</sup> Selain itu, istilah '*al-ḥukumah*' turut digunakan sejarawan untuk merujuk kepada perkataan *tahkim* atau pengadilan. Menurut Kamus Dewan, *tahkim* didefinisikan sebagai perihal melantik hakim, pengangkatan hakim; bertahkim bermaksud memakai hakim dalam pertelingkahan.<sup>2</sup>

Dari sudut istilah pula, *al-tahkim* didefinisikan sebagai persetujuan kedua pihak yang bertelagah untuk menerima keputusan pihak tertentu dalam menyelesaikan perselisihan mereka.<sup>3</sup> Berdasarkan kepada definisi ini, maksud Peristiwa Tahkim di sini secara lebih khusus ialah persetujuan pihak Saidina <sup>°</sup>Ali dan pihak Mu<sup>°</sup>āwiyah yang bertelagah untuk menerima keputusan kedua-dua hakim atau pengadil yang dilantik dalam menyelesaikan perselisihan antara mereka.

<sup>1</sup> Ibrahim Anīs & rakan-rakan, (t.th), *al-Mu<sup>°</sup>jam al-Wasīṭ*, Beirut: Dār al-Ma<sup>°</sup>rifah, hlm. 190.

<sup>2</sup> *Kamus Dewan*. 2000. Ed. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1344.

<sup>3</sup> Qal<sup>°</sup>ajī & Qunaybī, 1988, *Mu<sup>°</sup>jam Lughat al-Fuqahā<sup>°</sup>*, Beirut: Dār al-Nafā<sup>°</sup>'is, hlm. 123.

### 3.0 FAKTOR UTAMA PERISTIWA TAHKĪM

Sebelum kita melangkah lebih jauh lagi, adalah lebih baik jika kita tinjau dahulu beberapa faktor yang menjadi pendorong utama sehingga berlakunya Peristiwa Tahkīm. Umumnya terdapat dua faktor utama yang membawa kepada teretusnya Peristiwa Tahkīm iaitu:

- (i) Cadangan <sup>°</sup>Amr ibn al-<sup>°</sup>As agar Peperangan Siffin diberhentikan dengan cara menjulang al-Qur'an dan menyeru kepada *tahkīm*.
- (ii) Desakan majoriti pengikut Saidina <sup>°</sup>Alī supaya menerima cadangan *tahkīm* lantaran Peperangan Siffin telah berlangsung dalam tempoh yang terlalu lama, iaitu 110 hari dengan 90 siri pertempuran tanpa berkesudahan. Selain itu, mereka juga telah kehabisan bekalan makanan dan alat-alat senjata serta jumlah tentera yang cedera semakin banyak.<sup>4</sup>

Idea menjulang mashaf untuk memberhentikan Peperangan Siffin dan seruan kepada *tahkīm* merupakan suatu strategi daripada <sup>°</sup>Amr ibn al-<sup>°</sup>Āṣ yang menyokong Mu<sup>°</sup>āwiyah. Objektif utama strategi <sup>°</sup>Amr ibn al-<sup>°</sup>Āṣ adalah untuk mengelak daripada mengalami kekalahan di tangan tentera Saidina <sup>°</sup>Alī. Di samping itu, langkah ini dapat memecahbelahkan tentera Saidina <sup>°</sup>Alī melalui perselisihan pendapat sesama mereka dalam membuat keputusan sama ada menerima *tahkīm* atau menolaknya.<sup>5</sup>

Ekoran daripada itu, kebanyakan pengikut Saidina <sup>°</sup>Alī telah bersetuju untuk menerima *tahkīm* bahkan sebahagian mereka telah memaksa Saidina <sup>°</sup>Alī agar menerimanya. Ibn <sup>°</sup>Abbās dan Mālik ibn Hārith al-Ashtar turut bersependapat dengan Saidina <sup>°</sup>Alī yang tidak mahu menerima *tahkīm* dan ingin meneruskan peperangan kerana mereka sudah hampir mencapai kemenangan.<sup>6</sup>

Perselisihan pendapat timbul sekali lagi ketika membuat pemilihan *al-hakam* atau wakil Saidina <sup>°</sup>Alī ke majlis *tahkīm*. Hasil desakan yang kuat daripada al-Ash<sup>°</sup>as ibn Qays yang disokong oleh kumpulan *al-Qurrā'*<sup>7</sup> maka Abū Mūsa al-Ash<sup>°</sup>arī telah

<sup>4</sup> al-Mas<sup>°</sup>ūdī, Abū al-Hasan <sup>°</sup>Alī ibn Ḥusayn ibn 'Alī al-Mas<sup>°</sup>ūdī, 1970, *Murūj al-Dhahab wa Ma'ādin al-Jawhar*, jld. 3, Beirut: Barbih De Minar & Bafih De Kirtai, hlm. 143; Mahayudin Yahya, 1989, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, 1990, jld. 5, Penerbit UKM Bangi, hlm. 1418.

<sup>5</sup> al-Ṭabarī, Abū Ja<sup>°</sup>far Muḥammad ibn Jarīr, 1988, *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, jld. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>°</sup>Ilmiyyah, hlm. 101; al-Balādhurī, Aḥmad ibn Yaḥyā, 1996, *Ansāb al-Ashrāf*, jld. 3, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 103.

<sup>6</sup> Ibn Ṭiqṭaqā, Muḥammad ibn <sup>°</sup>Alī ibn Ṭabāṭibā, 1966, *al-Fakhrī fī al-Adāb al-Sultāniyyah wa al-Duwal al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār Bayrūt, hlm. 91.

<sup>7</sup> *Ahl al-Qurrā'* ialah golongan yang kuat beribadah dan membaca al-Qur'an tetapi mereka tidak begitu memahami tafsiran isi kandungannya kecuali secara zahir sahaja.

dipilih sebagai wakil mereka ke majlis *tahkīm*.<sup>8</sup> Pemilihan ini jelas bertentangan dengan pendapat Saidina <sup>c</sup>Ali yang lebih cenderung memilih Ibn <sup>c</sup>Abbās atau al-Ashtar sebagai wakilnya ke majlis *tahkīm*.<sup>9</sup>

Melihat kepada situasi ini, menjadi jelas kepada kita akan kebijaksanaan <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ yang telah menggunakan taktik ‘pecah perintah’ sehingga berjaya membawa kepada ‘kemenangan’ Mu<sup>c</sup>āwiyah di meja perundingan sekalipun hampir tewas di medan peperangan.<sup>10</sup>

#### 4.0 SOROTAN PERISTIWA TAḤKĪM

Untuk memahami peristiwa Taḥkīm secara lebih mudah dan jelas, sorotan mengenai peristiwa Taḥkīm boleh dibuat menerusi pembahagiannya kepada dua peringkat utama iaitu;

##### 4.1 Peringkat Pertama : Peringkat Permulaan Taḥkīm (*Bad’ al-Taḥkīm*)

Peringkat pertama Taḥkīm berlaku setelah tamatnya Peperangan Siffin di tebing Sungai Furat pada bulan Zulhijjah tahun 36 H. Rundingan peringkat ini berlaku pada bulan Safar tahun 37 H di sebuah kawasan yang terletak antara Kufah dan Syam. Pada peringkat ini kedua belah pihak bersetuju menandatangani perjanjian yang dikenali sebagai *Ṣahīfah al-Taḥkīm*<sup>11</sup>. Berikut adalah teks *ṣahīfah* tersebut seperti yang dicatatkan oleh Ibn Kathir,<sup>12</sup>

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. هَذَا مَا تَقَاضَى عَلَيْهِ عَلِيٌّ بِنُ أَبِي طَالِبٍ وَمُعَاوِيَةُ بِنُ أَبِي سُفْيَانَ، قَاضَى عَلِيٌّ عَلَى أَهْلِ الْعِرَاقِ وَمَنْ مَعَهُمْ مِنْ شِيعَتِهِمْ وَالْمُسْلِمِينَ، وَقَاضَى مُعَاوِيَةُ عَلَى أَهْلِ الشَّامِ وَمَنْ كَانَ مَعَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، إِنَّا نُنزِلُ عِنْدَ حُكْمِ اللَّهِ وَكِتَابِهِ وَنُحْيِي مَا أَحْيَى اللَّهُ، وَنُمِيتُ مَا أَمَاتَ اللَّهُ فَمَا وَجَدَ الْحَكَمَانَ فِي كِتَابِ اللَّهِ وَهُمَا أَبُو مُوسَى الْأَشْعَرِيُّ وَعَمْرُو بْنُ الْعَاصِ، عَمِلَا بِهِ وَمَا لَمْ يَجِدَا فِي كِتَابِ اللَّهِ فَالْسُنَّةُ الْعَادِلَةُ الْجَامِعَةُ غَيْرُ الْمُتَفَرِّقَةِ.

<sup>8</sup> al-Balādhurī, *Ansāb al-Ashraf*, jld. 3, hlm. 108.

<sup>9</sup> al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, jld. 3, hlm. 102; Ibn Ṭiqaqā, (1966), *al-Fakhri*, hlm. 91.

<sup>10</sup> <sup>c</sup>Abd al-Khāliq, 1988, *‘Amr ibn al-‘Āṣ : Bayn Yadayy al-Tārīkh*, Kaherah: al-Zahrā’ li al-Ṭīām al-‘Arabī. hlm. 326.

<sup>11</sup> al-Mas<sup>c</sup>ūdī, *Murūj al-Dhahab*, jld. 3, hlm. 142.

<sup>12</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā’il ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, jld. 7, Beirut: Maktabat al-Ma<sup>c</sup>arif, hlm. 277.

Maksudnya;

*“Dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi maha Mengasihani. Inilah apa yang telah dipersetujui oleh ‘Alī ibn Abī Tālib dan Mu‘āwiyah ibn Abī Sufyān, ‘Alī mewakili penduduk Islam Iraq dan penyokong mereka dari kalangan penyokong mereka dan kaum muslimin, sementara Mu‘āwiyah mewakili penduduk Islam Syam penyokong mereka. Bahawa sesungguhnya kami menuruti hukum Allah dan kitabnya dan kami melaksanakan apa yang diperintah Allah dan meninggalkan apa yang dilarang Allah. Maka apa yang ditemui dalam al-Qur’an oleh kedua orang hakim/pengadil iaitu Abu Musā al-Ash‘arī dan ‘Amr ibn al-‘Āṣ, mereka hendaklah mengamalkannya dan apa yang tidak ditemui dalam al-Qur’an maka mereka hendaklah berpegang dengan al-Sunah yang adil supaya tidak berpecah-belah.”*

Melalui rundingan pada peringkat ini, beberapa perkara telah dimeterai oleh kedua-dua pihak secara bertulis. Antara isi kandungan *Ṣahīfah al-Taḥkīm* peringkat pertama tersebut ialah:

- (i) Menerima perdamaian dan perlucutan senjata antara kedua belah pihak.
- (ii) Menyerahkan urusan Taḥkīm kepada Abū Mūsa al-Ash‘arī selaku wakil bagi ‘Alī dan kepada ‘Amr ibn al-‘Āṣ selaku wakil bagi Mu‘āwiyah.
- (iii) Menetapkan masa dan tempat rundingan yang seterusnya iaitu di Dumat al-Jandal pada bulan Ramadhan tahun 37 H.
- (iv) Jaminan keselamatan nyawa dan harta benda bagi kedua-dua wakil yang berunding tanpa mengira keputusan *Taḥkīm*.
- (v) Jika salah seorang wakil meninggal dunia maka ketua kumpulan wakil itu dan pengikutnya akan melantik penggantinya.<sup>13</sup>

Idea menulis perjanjian tersebut telah dikemukakan oleh ‘Amr ibn al-‘Āṣ. Setelah itu kedua-dua pihak kembali ke tempat masing-masing sehingga ke tarikh rundingan peringkat yang seterusnya.<sup>14</sup> Peristiwa ini telah dihadiri oleh 10 orang penduduk Iraq sebagai wakil ‘Alī dan 10 orang penduduk Syam sebagai wakil Mu‘āwiyah.<sup>15</sup>

<sup>13</sup> al-Ṭabarī, *Tārīkhal-Umam wa al-Mulūk*, jld. 3, hlm. 103; Ṭāha Ḥusayn, *al-Fitnah al-Kubrā*, jld. 2, hlm. 83.

<sup>14</sup> al-Mas‘ūdī, *Murūj al-Dhahab*, jld. 3, hlm. 146; Ibn Abī al-Ḥadīd, 1965, *Sharh Nahj al-Balāghah*, jld. 3, t.tp: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlm. 210.

<sup>15</sup> al-Balādhurī, *Ansāb al-Ashrāf*, jld. 3, hlm. 109.

## 4.2 Peringkat Kedua: Peringkat Perhimpunan Perwakilan (Ijtimā' al-Ḥakamayn)

Peringkat kedua Tahkim berlangsung di Dumat al-Jandal pada bulan Ramadhan tahun 37 H.<sup>16</sup> Sebahagian sejarawan seperti al-Mas'ūdī berpendapat ia berlaku pada tahun 38 H.<sup>17</sup>

Perhimpunan kali ini telah dihadiri oleh 400 orang dari pihak Saidina 'Alī dan 400 orang dari pihak Mu'āwiyah.<sup>18</sup> Antara tokoh sahabat yang menghadiri perhimpunan ini adalah 'Abdullah ibn 'Umar, 'Abdullah ibn al-Zubayr dan al-Mughīrah ibn Shu'bah.<sup>19</sup> Al-Balādhurī meriwayatkan bahawa perhimpunan ini telah dihadiri oleh Ibn 'Umar dan beliau telah dicalonkan oleh Abū Mūsa al-Ash'arī sebagai khalifah tetapi menolaknya.<sup>20</sup>

Berikut adalah teks *ṣahīfah* al-Tahkim peringkat kedua seperti yang dicatatkan oleh al-Mas'ūdī<sup>21</sup>:

”بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. هَذَا مَا تَقَاضَى عَلَيْهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ قَيْسٍ (أَبُو مُوسَى الْأَشْعَرِيُّ) وَعَمْرُو بْنُ الْعَاصِ. تَقَاضَى عَلَى أَنْهُمَا يَشْهَدَانِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، وَنَشَهُدُ أَنَّ أَبَا بَكْرٍ خَلِيفَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَمِلَ بِكِتَابِ اللَّهِ وَسُنَّةِ رَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى قَبِضَهُ اللَّهُ إِلَيْهِ وَقَدْ آدَى الْحَقُّ الَّذِي عَلَيْهِ، وَأَنَّ عَثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ وَلِيَّ هَذَا الْأَمْرِ بَعْدَ عُمَرَ عَلَى اجْتِمَاعِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَشُورَى مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَضِي مِنْهُمْ وَأَنَّهُ كَانَ مُؤْمِنًا وَقَتْلَ مَظْلُومًا.“

Maksudnya;

“Dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi maha Mengasihani. Inilah apa yang telah dipersetujui oleh 'Abdullah ibn Qays (Abū Mūsa al-Ash'arī) dan dan 'Amr ibn al-'Ās. Mereka bersetuju untuk bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, nabi yang diutus dengan membawa hidayah dan agama yang benar untuk mengungguli seluruh agama sekalipun golongan musyrikin membencinya, dan kami bersaksi bahawa Abu Bakr adalah khalifah Rasulullah yang telah beramal dengan kitab Allah dan sunnah rasulNya hingga meninggal dunia dan bahawa beliau telah melaksanakan tanggung jawabnya, dan kami bersaksi bahawa 'Umar ibn

<sup>16</sup> al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Umam*, jld. 3, hlm. 105.

<sup>17</sup> al-Mas'ūdī, *Murūj al-Dhahab*, jld. 3, hlm. 145.

<sup>18</sup> al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Umam*, jld. 3, hlm. 105.

<sup>19</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, jld. 7, hlm. 282.

<sup>20</sup> al-Balādhurī, *Ansāb al-Ashrāf*, jld. 3, hlm. 113.

<sup>21</sup> al-Mas'ūdī, *Murūj al-Dhahab*, jld. 3, hlm. 146-147.

*al-Khattāb adalah khalifah Rasulullah yang telah beramal dengan kitab Allah dan sunnah rasul-Nya hingga meninggal dunia dan bahawa beliau telah melaksanakan tanggung jawabnya, dan bahawa ‘Uthmān ibn ‘Affān memegang kuasa pemerintahan selepas ‘Umar mengikut persepakatan kaum muslimin dan syura para sahabat, beliau meredhai mereka dan dia adalah seorang mukmin dan dia dibunuh dengan kejam/zalim.”*

Setelah itu kedua-dua pihak mulai tidak bersependapat dan berkesudahan dengan ‘Amr ibn al-‘Āṣ mengambil *ṣahīfah Taḥkīm* yang telah diletakkan cop mohor kedua pihak lalu meletakkannya di bawah kaki beliau.<sup>22</sup>

Akhir sekali timbul cadangan untuk memecat ‘Alī dan Mu‘āwiyah dari jawatan masing-masing. Terdapat perbezaan riwayat mengenai orang yang telah mengemukakan idea pelucutan jawatan Saidina ‘Alī dan Mu‘āwiyah. Al-Tabari meriwayatkan bahawa idea melucutkan jawatan dan menyerahkannya kepada syura umat Islam telah dikemukakan oleh Abū Mūsa al-Ash‘arī.<sup>23</sup> Menurut riwayat al-Balādhuri pula, cadangan pelucutan jawatan tersebut datangnya dari wakil Mu‘āwiyah iaitu ‘Amr ibn al-‘Āṣ.<sup>24</sup> Riwayat al-Balādhuri ini telah diterima oleh al-Ya‘qūbī,<sup>25</sup> seorang sejarawan zaman ‘Abbāsiyah yang dikatakan cenderung kepada aliran Syiah.

Melihat kepada teks *Ṣahīfah al-Taḥkīm* peringkat kedua ini, fokus kajian boleh dibuat terhadap dua frasa terakhir yang menyentuh dua isu penting iaitu;

- (i) Mengenai cara perlantikan khalifah seperti mana teksnya;

“... وَأَنَّ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ وَوَلِيَّ هَذَا الْأَمْرِ بَعْدَ عُمَرَ عَلَى اجْتِمَاعِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَشُورَى مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَرَضِي مِنْهُمْ.”

Maksudnya;

“... dan bahawa ‘Uthmān ibn ‘Affān memegang kuasa pemerintahan selepas ‘Umar mengikut persepakatan kaum muslimin dan syura para sahabat, dan beliau meredhai mereka”

Frasa ini menjelaskan mengenai kaedah perlantikan khalifah yang perlu diikuti seperti perlantikan khalifah yang sebelumnya. Dari sudut lain ia turut memberi *mafhūm* (kefahaman) bahawa perlantikan Saidina ‘Alī sebagai khalifah tidak berlaku secara persetujuan kaum muslimin dan syura para sahabat dengan sepenuhnya. Ini

<sup>22</sup> Ibid, hlm. 147.

<sup>23</sup> al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Umam*, jld. 3, hlm. 112.

<sup>24</sup> al-Balādhuri, *Ansāb al-Ashraf*, jld.3, hlm. 124.

<sup>25</sup> al-Ya‘qūbī, Ahmad ibn Abī Ya‘qūb ibn Ja‘far ibn Wahb ibn Waḍiḥ, 1993, *Tārīkh al-Ya‘qūbī*, jld. 2, Beirut: Mu‘assasat al-A‘la-m li al-Matbu‘a-t, hlm. 91.

bermakna ruang untuk mempertikaikan perlantikan ʿAlī sebagai khalifah masih ada seperti yang dilakukan oleh Muʿāwiyah dan ʿAmr ibn al-ʿĀṣ.

(ii) Mengenai hak menuntut bela seperti mana teksnya;

” ... وَأَنَّهُ كَانَ مُؤْمِنًا وَقُتِلَ مَظْلُومًا.

Maksudnya;

“... dan dia (ʿUthmān ibn ʿAffān) adalah seorang mukmin dan telah dibunuh dengan kejam/zalim.”

Frasa ini memberikan kelebihan kepada Muʿāwiyah sebagai orang yang berhak menuntut bela ke atas para pembunuh Saidina ʿUthmān jika Saidina ʿAlī selaku khalifah gagal melaksanakan hukuman balas bunuh (*qisas*). Selain itu, ia boleh disifatkan sebagai suatu justifikasi daripada ʿAmr ibn al-ʿĀṣ bahawa Muʿāwiyah bukanlah seorang pemberontak atau penentang kerajaan yang ingin memecahbelahkan masyarakat Islam, tetapi asas tindakannya adalah semata-mata ingin menuntut bela di atas pembunuhan Saidina ʿUthmān.

## 5.0 KESAN PERISTIWA TAḤKĪM

Perbincangan mengenai kesan Peristiwa Taḥkīm boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu kesannya terhadap Saidina ʿAlī dan kesannya terhadap Muʿāwiyah. Bahagian pertama membincangkan kesan Peristiwa Taḥkīm terhadap Saidina ʿAlī sementara bahagian kedua pula membincangkan kesannya terhadap Muʿāwiyah.

### 5.1 Kesannya Terhadap Saidina ʿAlī

Peristiwa Taḥkīm boleh disifatkan sebagai telah mengurangkan pengaruh Saidina ʿAlī ke atas pengikutnya dan menambahkan jurang perselisihan pendapat sesama mereka. Kemuncak daripada perselisihan ini berlaku apabila sebahagian pengikut Saidina ʿAlī berjumlah 12 ribu orang telah berpakat untuk menentangnya ekoran daripada keputusan Taḥkīm yang tidak menyebelahi mereka.

Kumpulan ini kemudiannya dikenali sebagai golongan Khawarij atau *Ḥarūriyyah* sempena nama tempat perkumpulan mereka iaitu Harura' yang terletak berhampiran dengan Kufah. Menurut Gabrieli, kemunculan Khawarij ini disifatkan sebagai '*the first real politico-religious schism of the Moslem community*' atau perpecahan bersifat politik keagamaan yang pertama dalam masyarakat muslim.<sup>26</sup>

<sup>26</sup> Gabrieli, Francesco, 1965, *A Short History of the Arabs*, Great Britain: Bristol Typesetting Co. Ltd, hlm. 66.



## 5.2 Kesannya Terhadap Mu‘āwiyah

Peristiwa Tahkīm dilihat telah menguntungkan pihak Mu‘āwiyah dan semakin mengukuhkan kedudukan beliau di wilayah Syam yang dikuasainya. Keputusan Tahkīm yang lebih memihak kepada Mu‘āwiyah juga telah berjaya menyatupadukan pengikutnya dan memantapkan persefahaman antara mereka.<sup>27</sup>

## 5.3 Faktor Kegagalan Saidina ‘Alī Menangani Isu Tahkīm

Di antara faktor kegagalan Saidina ‘Alī menangani isu Tahkīm ialah:

- (i) Perpecahan dalaman antara pengikut Saidina ‘Alī yang terdiri daripada tiga golongan iaitu Ansar, penduduk Iraq dan golongan *al-Qurrā’*. Menurut Mahayudin Yahya, ketiga-tiga golongan tersebut mempunyai kepentingan yang berbeza-beza. Kebanyakan daripada golongan *al-Qurrā’* telah menunjukkan sikap tawar hati untuk menyokong Saidina ‘Alī sementara penduduk Iraq pula, khususnya pendatang-pendatang baru dari Yaman kurang bersemangat dan tidak sanggup meneruskan peperangan. Adapun golongan Ansar yang menjadi penyokong setia Saidina ‘Alī mempunyai bilangan yang kecil berbanding dengan golongan *al-Qurrā’* dan penduduk Iraq.<sup>28</sup>
- (ii) Sikap Saidina ‘Alī yang tidak menggunakan helah dan tipu daya dalam perundingan.<sup>29</sup> Hal ini berbeza dengan Mu‘āwiyah dan ‘Amr ibn al-‘Āṣ yang melihat majlis Tahkīm sebagai suatu keadaan yang memerlukan kepada helah dan tipu daya.
- (iii) Sifat Saidina ‘Alī yang begitu kuat berpegang pada kebenaran tanpa mengambil kira risiko yang bakal dihadapi.<sup>30</sup> Menurut Shalabi (1988 :64) sifat Saidina ‘Alī yang tidak mengendahkan kepentingan duniawi berbanding kepentingan agama merupakan faktor utama kepada kegagalannya dalam menangani Peristiwa Tahkīm.<sup>31</sup>
- (iv) Kurangnya sifat diplomasi Saidina ‘Alī dalam mencari pengaruh khususnya dikalangan gabenor jajahan hingga menyebabkan sebahagian mereka berpaling

<sup>27</sup> ‘Umar Abū al-Nasr, 1962, *al-Mawsū‘ah al-Tārīkhīyah: Mu‘āwiyah ibn Abī Sufyān*. Beirut: al-Maktabah al-Ahliyyah, hlm. 62.

<sup>28</sup> Mahayudin Yahya, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, jld. 5, hlm. 1417.

<sup>29</sup> Ibn Ṭīqṭaqā, *al-Fakhrī*, hlm. 89.

<sup>30</sup> Ibid, hlm. 89.

<sup>31</sup> Shalabī, Ahmad, 1988, *Mawsū‘ah al-Tārīkh al-Islāmī*, jld. 3, Kaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah, hlm. 64.

tadah menyokong Mu<sup>ʿ</sup>āwiyah yang pandai mengambil hati mereka melalui pemberian hadiah, harta benda dan sebagainya.<sup>32</sup>

## 6.0 JUSTIFIKASI PENDIRIAN SAHABAT MENGENAI PELANTIKAN SAIDINA <sup>ʿ</sup>ALĪ SEBAGAI KHALIFAH

Suatu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah pelantikan Saidina <sup>ʿ</sup>Alī sebagai khalifah telah mendapat persetujuan daripada sebilangan besar umat Islam pada masa itu. Ibn Kathir meriwayatkan bahawa Saidina <sup>ʿ</sup>Alī telah dibaiah golongan Muhajirin dan Ansar khususnya kesemua *Badariyyūn* atau para sahabat yang menyertai peperangan Badar.<sup>33</sup>

Dengan adanya baiah ini, Saidina <sup>ʿ</sup>Alī berpendapat bahawa proses perlantikan beliau sebagai khalifah telah lengkap dan sempurna serta perlu diakui oleh seluruh umat Islam yang lain. Meskipun begitu, dalam masa yang sama terdapat beberapa tokoh sahabat yang lain turut dicadangkan untuk memegang jawatan khalifah.

Antara bukti yang menunjukkan beberapa tokoh sahabat yang dicalonkan untuk jawatan khalifah ialah:

- (i) Sa<sup>ʿ</sup>ad ibn Abi Waqqāṣ telah dicalonkan oleh anaknya iaitu <sup>ʿ</sup>Umar ibn Sa<sup>ʿ</sup>ad ibn Abi Waqqāṣ kerana beliau adalah sahabat Rasulullah, ahli majlis syura dan tidak terlibat dalam pertikaian semasa umat Islam. Walau bagaimanapun, Sa<sup>ʿ</sup>ad ibn Abi Waqqāṣ telah menolak cadangan anaknya dan memilih untuk tidak melibatkan diri dalam pergolakan politik pada masa itu.<sup>34</sup>
- (ii) <sup>ʿ</sup>Abdullah ibn <sup>ʿ</sup>Umar telah dinamakan oleh Abū Mūsā al-Ash<sup>ʿ</sup>arī sebagai calon khalifah kerana beliau termasuk dalam golongan Muhajirin yang terawal berbanding Mu<sup>ʿ</sup>āwiyah.<sup>35</sup>
- (iii) <sup>ʿ</sup>Abdullah ibn <sup>ʿ</sup>Amr ibn al-<sup>ʿ</sup>Āṣ telah dicalonkan oleh ayahnya iaitu <sup>ʿ</sup>Amr ibn al-<sup>ʿ</sup>Āṣ kerana kelebihannya dan kesolehannya.<sup>36</sup> Pencalonan ini mungkin berdasarkan persamaan kelebihan dan kesolehan <sup>ʿ</sup>Abdullah ibn <sup>ʿ</sup>Amr ibn al-<sup>ʿ</sup>Āṣ yang tergolong dalam '*al-ʿAbādilah al-Arbaʿah*' (empat orang Abdullah iaitu <sup>ʿ</sup>Abdullah ibn <sup>ʿ</sup>Umar, <sup>ʿ</sup>Abdullah ibn <sup>ʿ</sup>Abbās, <sup>ʿ</sup>Abdullah ibn Masʿūd dan <sup>ʿ</sup>Abdullah ibn <sup>ʿ</sup>Amr ibn al-<sup>ʿ</sup>Āṣ) seperti mana Ibn <sup>ʿ</sup>Umar yang dicalonkan oleh Abū Mūsā al-Ash<sup>ʿ</sup>arī.

<sup>32</sup> <sup>ʿ</sup>Umar Abū al-Nasr, *al-Mawṣūʿah al-Tārīkhiyyah*, hlm. 62.

<sup>33</sup> Ibn Kathir, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, jld. 7, hlm. 260.

<sup>34</sup> al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Umam*, jld. 3, hlm. 111.

<sup>35</sup> al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Umam*, jld. 3, hlm. 112.

<sup>36</sup> Ibid, hlm. 112.

Bukti-bukti yang tersebut tadi, jelas menggambarkan pendirian sebahagian sahabat yang melihat pemilihan calon khalifah masih terbuka dan belum muktamad sepenuhnya. Ini berlaku disebabkan kemungkinan berikut:

- (i) Terdapat unsur desakan di dalam pelantikan Saidina ‘Alī yang menyebabkan keabsahan pelantikannya sebagai khalifah diragui. Al-Ṭabarī mencatatkan pendirian Saidina ‘Alī yang menolak pelantikannya pada peringkat awal sebagai khalifah setelah kematian Saidina ‘Uthmān. Walau bagaimanapun, setelah didesak beliau akhirnya bersetuju menerimanya untuk mengelakkan perpecahan umat yang lebih dahsyat lagi.<sup>37</sup>
- (ii) Kriteria pemilihan ‘Alī sebagai khalifah masih belum terlaksana sepenuhnya kerana terdapat sebahagian sahabat seperti ‘Amr ibn al-‘Āṣ dan Mu‘āwiyah yang telah menanggukkan baiah mereka sehingga isu pembunuhan Saidina ‘Uthmān diselesaikan terlebih dahulu.

## 7.0 ISU KONTROVERSIAL MENGENAI PERISTIWA TAḤKĪM

Isu yang sering dibahaskan oleh sejarawan mengenai peristiwa Taḥkīm berkisar pada kesahihan tindakan ‘Amr ibn al-‘Āṣ yang telah membuat helah dan tipu daya dalam rundingan majlis Taḥkīm. Selain itu, isu pemecatan Saidina ‘Alī dari jawatannya sebagai khalifah merupakan isu penting dalam Peristiwa Taḥkīm.

Menurut riwayat sejarah yang masyhur seperti yang dicatatkan oleh al-Ṭabarī, Ibn al-Athīr dan lain-lain, wakil Mu‘āwiyah iaitu ‘Amr ibn al-‘Āṣ telah memperdayakan wakil Saidina ‘Alī iaitu Abū Mūsā al-Ash‘arī dengan meminta Abū Mūsā al-Ash‘arī berucap terlebih dahulu mengisyiharkan perlucutan jawatan ‘Alī dan Mu‘āwiyah. Setelah itu ‘Amr ibn al-‘Āṣ berucap memperakui perlucutan jawatan yang dibuat oleh Abū Mūsā al-Ash‘arī dan kemudiannya melucutkan jawatan ‘Alī tetapi mengekalkan jawatan Mu‘āwiyah.<sup>38</sup>

### 7.1 Pandangan Sejarawan Mengenai Peristiwa Taḥkīm

Para sejarawan berbeza pendapat mengenai kesahihan cerita berlakunya peni puan dan pemecatan jawatan khalifah dalam majlis Taḥkīm. Sebahagian sejarawan menerimanya dan sebahagian lain menolaknya berdasarkan hujah masing-masing. Berikut adalah beberapa pandangan sejarawan mengenai isu kontroversial tersebut:

<sup>37</sup> Ibid, hlm. 80.

<sup>38</sup> Ibid, hlm. 113; al-‘Azīz, Husayn Qāsim, 1971, *Mūjaz Tārīkh al-‘Arab wa al-Islām*. Beirut: Maktabat al-Nahdah, hlm. 163.

- (a) Al-Ya<sup>c</sup>qūbī dan al-Balādhuri menyokong cerita ini dan menyifatkan <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ telah memperdayakan Abū Mūsa al-Ash<sup>c</sup>arī.<sup>39</sup> Selain itu, seorang sejarawan barat yang bernama Osborn turut membuat tanggapan yang sama dengan menyatakan bahawa Abū Mūsa al-Ash<sup>c</sup>arī telah diperdayakan oleh <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ.<sup>40</sup>
- (b) Aḥmad Shalabī berpendapat bahawa Peristiwa Tahkīm tidak mempunyai implikasi yang besar kerana ia lebih merupakan helah daripada Mu<sup>c</sup>āwiyah untuk mengelak daripada mengalami kekalahan dalam Peperangan Siffin.<sup>41</sup> Menurut <sup>c</sup>Abd al-Khāliq pula, ia merupakan suatu langkah yang biasa dilakukan dalam peperangan untuk mengelak dari mengalami kekalahan.<sup>42</sup>
- (c) Berkata al-Mas<sup>c</sup>ūdī dalam kitabnya *Murūj al-Dhahab*:

*“Aku mendapati dalam riwayat-riwayat yang lain menyatakan bahawa kedua-duanya (Abū Mūsa dan <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ) telah bersepakat mengenai pelucutan jawatan <sup>c</sup>Alī dan Mu<sup>c</sup>āwiyah dan menjadikan perlantikan khalifah sebagai urusan syura.”<sup>43</sup>*

Kenyataan beliau ini bertepatan dengan pendapat Ibn Kathīr yang dirakamkan dalam kitab sejarah karangannya, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*,<sup>44</sup> Dalam kenyataan yang lain, al-Mas<sup>c</sup>ūdī menyebut bahawa:

*“Peristiwa Tahkīm yang berlaku hanya melibatkan persetujuan yang terkandung di dalam sahifah peringkat kedua termasuklah pengakuan Abū Mūsa al-Ash<sup>c</sup>arī mengenai kematian <sup>c</sup>Uthmān yang dibunuh secara kejam/zalim. Selain itu, kedua-dua wakil tidak membuat sebarang ucapan pelucutan jawatan kerana tiada persetujuan dicapai setelah <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ hanya mencadangkan Mu<sup>c</sup>āwiyah dan dirinya sendiri sebagai calon khalifah dengan tujuan mempersendakan Abū Mūsa al-Ash<sup>c</sup>arī.”<sup>45</sup>*

Marzuki Hj Mahmood menyokong riwayat di atas dan menyifatkannya sebagai lebih munasabah dan relevan dengan semua suasana yang wujud seperti suasana

<sup>39</sup> al-Ya<sup>c</sup>qūbī, *Tārīkh al-Ya<sup>c</sup>qūbī*, hlm. 90; al-Balādhurī, *Ansāb al-Ashraf*, jld. 3, hlm. 121.

<sup>40</sup> Osborn, Robert Durie, 1976, *Islam Under the Arabs*, London: Longmans, Green and Co, hlm. 120.

<sup>41</sup> Ahmad Shalabī, 1988, *Mawsū‘at al-Tārīkh al-Islāmi*, jld. 3, hlm. 649.

<sup>42</sup> <sup>c</sup>Abd al-Khāliq Sayyid Abū Rabīah, *<sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ: Bayn Yadayy al-Ṭārīkh*, hlm. 332.

<sup>43</sup> al-Mas<sup>c</sup>ūdī, *Murūj al-Dhahab*, jld. 3, hlm. 148.

<sup>44</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, jld. 7, hlm. 283.

<sup>45</sup> al-Mas<sup>c</sup>ūdī, *Murūj al-Dhahab*, jld. 3, hlm. 150.

kemasyarakatan, kekuatan beragama dan keluhuran budi. Untuk memperkuat pendapatnya beliau mengatakan bahawa:

*“Dalam hal ini pandangan Dr. Ibrāhīm Sawāt, Dr. Mahmūd Ziyādah dan Dr. Ḥassan Ibrāhīm Ḥassan adalah lebih akur dengan suasana keIslaman dan peristiwa yang berlaku, antaranya kami berpendapat bahawa riwayat al-Mas‘ūdī adalah lebih hampir kepada rasional”.*<sup>46</sup>

- (d) Al-Qāḍī ibn al-‘Arabī pula menafikan kebenaran cerita ini di dalam kitabnya ‘*al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim*’ dengan mengatakan:

*“Ini semua adalah pembohongan yang nyata, sesungguhnya ia direka oleh golongan bidaah untuk tatapan raja-raja dan diwarisi oleh golongan yang gemarkan maksiat dan bidaah secara terang-terangan lagi nyata. Apa yang diriwayatkan oleh ulama’ yang thiqah dan thābit adalah ‘Amr ibn al-‘Āṣ telah turut sama melucutkan jawatan Mu‘āwiyah”.*

Menurut beliau lagi, al-Dāruqutnī telah meriwayatkan melalui sanadnya daripada Hudhayn ibn al-Mundhir bahawa ‘Amr ibn al-‘Āṣ telah melucutkan jawatan Mu‘āwiyah.<sup>47</sup>

- (e) Muhibb al-Dīn al-Khaṭīb dan Maulana Muhammad ‘Alī menolak cerita ini dengan alasan-alasan berikut:

- (i) Selepas berlakunya Peristiwa Taḥkīm didapati kedua-dua pemimpin (‘Alī dan Mu‘āwiyah) masih terus kekal berkuasa ke atas wilayah masing-masing.
- (ii) Jika yang dimaksudkan dengan ‘*al-amr*’ ialah kuasa kepimpinan umum dan kuasa sebagai amīr al-mukminīn maka Mu‘āwiyah semasa Peristiwa Taḥkīm belum lagi menjadi imam (khalifah) hingga mendorong ‘Amr ibn al-‘Āṣ untuk menetapkannya sebagai khalifah.
- (iii) Punca kekeliruan cerita ini adalah kejahilan mengenai hakikat sebenar bahawa Mu‘āwiyah pada masa itu masih belum menjadi khalifah dan beliau juga tidak mendakwa dirinya sebagai khalifah hingga mendorong ‘Amr ibn al-‘Āṣ untuk melucutkannya dari jawatan khalifah. Apa yang telah disepakati oleh Abū Mūsa al-Ash‘arī dan ‘Amr ibn al-‘Āṣ adalah menyerahkan urusan pelantikan khalifah kepada para sahabat Rasulullah

<sup>46</sup> Marzuki Hj Mahmood, 1994, *Isu-isu Kontroversi Dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa’ al-Rasyidin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 180.

<sup>47</sup> Lihat Ibn al-Athīr, *al-Kāmil fī al-Tārikh*, jld. 3, hlm. 208 (dlm nota kaki).

yang terkemuka dan diredhai oleh baginda sehingga akhir hayatnya. Oleh itu, persetujuan Taḥkīm tidak melibatkan Mu<sup>c</sup>āwiyah kerana beliau belum menjadi khalifah dan beliau tidak berperang kerana menuntut jawatan khalifah bahkan beliau menuntut hukuman qisas ke atas mereka yang membunuh Saidina <sup>c</sup>Uthmān. Apabila kedua wakil tersebut bersetuju untuk menyerahkan urusan perlantikan khalifah kepada tokoh dan sahabat Rasulullah yang utama, maka Taḥkīm hanya menyentuh satu perkara sahaja iaitu ‘*al-imāmah*’ atau kepemimpinan umat.

- (iv) Selain itu, Mu<sup>c</sup>āwiyah juga tidak mendakwa dirinya sebagai khalifah kecuali setelah Saidina al-Ḥasan ibn <sup>c</sup>Alī memberikan baiah kepadanya sebagai khalifah pada tahun 41 H. Selepas peristiwa itu, barulah Mu<sup>c</sup>āwiyah memakai gelaran *amīr al-mukminīn*.<sup>48</sup>
- (f) Marzuki Hj Mahmood menolak sekeras-kerasnya cerita ini di dalam bukunya “*Isu-isu Kontroversi Dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa’ al-Rasyidin*”. Beliau mengatakan bahawa apa yang dikatakan oleh sejarah mengenai keputusan kedua-dua pengadil memecat <sup>c</sup>Alī dan Mu<sup>c</sup>āwiyah dari jawatan masing-masing adalah sesuatu yang amat palsu kerana:
- (i) Peristiwa pemecatan itu ke atas <sup>c</sup>Alī memang kena pada tempatnya, sebab ia berjawatan khalifah, tetapi bagi Mu<sup>c</sup>āwiyah, apa yang dipecat daripadanya? Ini kerana Mu<sup>c</sup>āwiyah pada waktu itu bukan seorang khalifah dan bukan pula seorang gabenor. Jawatan gabenornya sudah lama dipecat oleh khalifah <sup>c</sup>Alī.
- (ii) Bahkan yang lebih palsu lagi, apa yang dikatakan kononnya <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ menipu Abū Mūsa al-Ash<sup>c</sup>arī dengan mengekalkan Mu<sup>c</sup>āwiyah. Soalnya, apakah yang dikekalkan oleh <sup>c</sup>Amr itu? Jawatan sebagai khalifah atau sebagai gabenor? Kedua-dua jawatan itu tidak berhak dikekalkan, kerana ia sememangnya tidak ada pada Mu<sup>c</sup>āwiyah. Cuma yang masih ada pada Mu<sup>c</sup>āwiyah ialah pengaruh dan kuasa pimpinannya ke atas masyarakat Syam, serta sifatnya sebagai ketua pemberontak dari Syam. Jadi, apakah pernah berlaku dalam mana-mana sejarah, pengadil atau hakim negara menjatuhkan hukuman melucutkan pengaruh dan kuasa pimpinan seseorang dari kumpulan pimpinannya, atau melucutkan seorang ketua pemberontak dari mengetuai pemberontak yang lain?<sup>49</sup>

<sup>48</sup> Ibid, hlm. 208; Maulana Muhammad <sup>c</sup>Alī, 1951, *The Early Caliphate, Lahore: Ahmadiyyah Anjuman Ishaat Islam*, hlm. 302.

<sup>49</sup> Marzuki Hj Mahmood, *Isu-isu Kontroversi*, hlm. 186.

- (g) Seorang pengkaji sejarah Islam dari Pakistan iaitu S.M Imamuddin berpendapat bahawa riwayat cerita tersebut kelihatannya telah direka oleh sejarawan kerajaan ‘Abbāsiyyah dengan tujuan untuk memfitnah kerajaan Umawiyah dan penyokong utamanya iaitu ‘Amr ibn al-‘Āṣ.<sup>50</sup> Pendapat beliau kelihatannya hampir sama dengan Philip K Hitti (1970 : 181) yang mengatakan;

*“ The current tradition is that the two umpires agreed to depose both principals, thus clearing the way for a ‘dark horse’; but after the elder of the two, Abu Musa, had stood up and declared the caliphate of his master null and void, ‘Amr betrayed his colleague and confirmed Mu’awiyah. But the critical studies of Pere Lammens, preceded by those of Wellhausen, tend to show that this tradition reflects the view of the Iraqi school, to which most of our extant sources belong, which flourished under the Abbasids-the Umayyads’ mortal enemies”.*<sup>51</sup>

- (h) Ṭaha Ḥusayn mengutarakan pendapatnya yang agak unik. Beliau berpendapat bahawa Peristiwa Taḥkīm merupakan suatu pakatan sulit antara al-Ash‘as ibn Qays dan ‘Amr ibn al-‘Āṣ demi mencapai kepentingan duniawi masing-masing. Antara hujah yang dikemukakan beliau ialah:

- (i) Latar belakang peribadi al-Ash‘as ibn Qays al-Kindī yang mencurigakan dan diragui. Beliau telah memeluk Islam pada zaman Nabi dan kemudiannya kembali murtad setelah kewafatan baginda serta bertindak menghasut kaumnya agar menentang Saidina Abū Bakr. Setelah ditewaskan dalam peperangan beliau kembali ke Madinah untuk bertaubat. Pada zaman pemerintahan ‘Uthmān beliau memegang beberapa jawatan di Parsi dan kemudiannya dipecat pada zaman pemerintahan ‘Ali.<sup>52</sup> Ini bermakna terdapat unsur ingin membalas dendam dari al-Ash‘as terhadap tindakan ‘Ali yang telah memecatnya.
- (ii) Sebelum berlakunya Peristiwa Taḥkīm peringkat pertama pada Safar 37 H, tentera kedua belah pihak berada dalam keadaan aman pada bulan Muharram. Keadaan ini memungkinan andaian bahawa al-Ash‘as ibn Qays telah menghubungi ‘Amr ibn al-‘Āṣ untuk membuat pakatan sulit mereka.<sup>53</sup>

<sup>50</sup> Imamuddin, S.M, 1967, *A Political History of the Muslims (Prophet and Pious Caliph)*, Dacca, Pakistan: Zeeco Press, hlm. 218.

<sup>51</sup> Hitti, Philip K, 1970, *History of the Arabs*, London and Basingstoke: The Macmillan Press. Ltd, hlm. 181.

<sup>52</sup> Taha Husayn, 1966, *al-Fitnah al-Kubrā*, jld. 2, hlm. 80-81.

<sup>53</sup> Ibid, hlm. 81.

- (iii) Peranan al-Ash<sup>c</sup>as ibn Qays dalam pemilihan wakil Taḥkīm ialah beliau merupakan orang yang memaksa Saidina <sup>c</sup>Alī agar melantik Abū Mūsa sebagai wakil ke majlis Taḥkīm.<sup>54</sup>
- (iv) Reaksi al-Ash<sup>c</sup>as ibn Qays terhadap Sahifah Taḥkīm peringkat pertama kelihatan beliau begitu gembira sekali dengan keputusan untuk menamatkan peperangan dan menyelesaikannya melalui majlis Taḥkīm.<sup>55</sup>

Penulis berpandangan bahawa pendapat Ṭaha Ḥusayn agak keterlaluan khususnya terhadap peribadi <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ yang merupakan sahabat Rasulullah. Sememangnya diakui bahawa para sahabat itu tidak maksum atau terpelihara daripada dosa tetapi adalah suatu yang sukar untuk diterima bahawa seorang sahabat sanggup melakukan pakatan sulit yang melibatkan nyawa puluhan ribu orang dan menjejaskan kestabilan politik negara Islam semata-mata kerana ingin mencapai kepentingan duniawinya. Selain itu, sebahagian sejarawan Islam yang muktabar seperti Ibn Kathīr telah memberi penghormatan kepada al-Ash<sup>c</sup>as ibn Qays dengan meletakkan ucapan “rahimahullah” (semoga Allah mencucuri rahmat ke atasnya) ketika mencatat nama beliau dalam kitab al-Bidāyah karangannya.<sup>56</sup>

## 7.2 Analisis dan Kesimpulan

Melihat kepada perbezaan pandangan sejarawan mengenai isu Taḥkīm dapat disimpulkan bahawa pendapat yang menerima cerita penipuan <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ dalam majlis Taḥkīm lebih berdasarkan sumber riwayat yang diterima semata-mata. Sementara itu, pendapat yang menolak kesahihan cerita tersebut adalah berdasarkan hujah logik yang disokong oleh beberapa riwayat yang menjelaskan realiti jalannya peristiwa.

Oleh yang demikian, penulis berpandangan bahawa pendapat yang menolak kesahihan cerita penipuan <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ dalam majlis Taḥkīm adalah lebih kuat dan patut menjadi pegangan umat Islam. Pendapat ini bersesuaian dengan ajaran Islam yang menganjurkan umatnya supaya bersangka baik terhadap saudara seagamanya. Apatah lagi cerita tersebut melibatkan dua peribadi tokoh sahabat iaitu Abū Mūsa al-Ash<sup>c</sup>arī dan <sup>c</sup>Amr ibn al-<sup>c</sup>Āṣ yang pernah dididik dan diasuh oleh Rasulullah s.a.w. sendiri.

Selain itu, pandangan tokoh sejarawan mutakhir iaitu Mahmud Shākir di dalam kitabnya ‘*al-Tārikh al-Islāmi*’ perlu diambil kira dan direnungi. Antara lain beliau menegaskan bahawa perhimpunan itu berakhir tanpa sebarang persepakatan kedua pihak dan tidak sepatutnya sahabat seperti Abū Mūsa al-Ash<sup>c</sup>arī disifatkan sebagai

<sup>54</sup> Ibid, hlm. 82.

<sup>55</sup> Ibid, hlm. 86.

<sup>56</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, jld. 7, hlm. 274.



seorang yang bodoh atau lemah daya fikirinya. Begitu juga halnya dengan ‘Amr ibn al-‘Āṣ yang tidak sepatutnya disifatkan sebagai seorang penipu, kurang pegangan agama dan tidak menepati janji.<sup>57</sup>

Seandainya cerita tersebut adalah benar, maka pandangan yang sederhana mengenainya boleh diambil seperti pandangan Ibn Kathīr yang mengatakan;

*“Amr ibn al-‘Āṣ berpandangan bahawa tidak patut kaum muslimin dibiarkan tanpa mempunyai khalifah yang akan membawa kepada kemudaratan yang besar, maka beliau bertindak melantik Mu‘āwiyah sebagai khalifah demi mencapai kemaslahatan tersebut, dan ijihad itu ada kalanya salah dan ada kalanya betul.”<sup>58</sup>*

Hakikat yang perlu kita akui secara terbuka adalah sebarang konflik atau perselisihan yang timbul semasa Peristiwa Tahkīm merupakan ijihad para sahabat dan tabiin. Ini kerana Peristiwa Tahkīm bersifat semasa dan memerlukan kepada pengamatan politik yang tertentu. Hal ini jelas apabila Mu‘āwiyah sendiri sebenarnya tidak menafikan kelebihan ‘Alī dan kewajarannya menjadi khalifah. Akan tetapi, ijihadnya membawa beliau berpendapat bahawa tindakan terhadap pembunuh ‘Uthmān mesti diambil terlebih dahulu sebelum urusan baiah kepada khalifah disempurnakan.

## 8.0 PENUTUP

Antara pengajaran yang dapat kita ambil daripada Peristiwa Tahkīm ialah sikap memaksa pemimpin menuruti pandangan pengikut dalam membuat keputusan boleh mendatangkan bahaya kepada kumpulan. Sikap ini jelas diamalkan pengikut Saidina ‘Alī yang tidak memberikan ruang dan kebebasan kepada beliau selaku ketua untuk membuat keputusan malah ada kalanya mereka mengancam akan membunuhnya atau menentanginya jika beliau enggan menerima pendapat mereka. Kesan daripada itu berlaku perpecahan dalaman yang membawa kepada kekalahan mereka.

Selain itu, sikap taat setia, bersatu hati dan menghormati pandangan pemimpin seperti yang diamalkan pengikut Mu‘āwiyah boleh dijadikan contoh dalam konteks disiplin dan ketaatan kepada pemimpin. Sikap positif tersebut telah memberikan hasil yang baik iaitu terselamat dari kekalahan di medan perang dan memperolehi kejayaan dan kemenangan di meja rundingan.

<sup>57</sup> Maḥmūd Shākīr, 1983, *al-Tārikh al-Islāmi*. jld. 3, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, hlm. 277.

<sup>58</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, jld. 7, hlm. 284.

## RUJUKAN

- ‘Abd Al-Khāliq Sayyid Abu Rābiyah. 1988. *‘Amr ibn al-‘Āṣ : Bayn Yaday al-Tārīkh*. Kaherah: al-Zahrā’ li al-‘Īlām al-‘Arabī.
- al-‘Aziz, Ḥusayn Qāsim. 1971. *Mūjaz Tārīkh al-‘Arab wa al-Islām*. Beirut: Maktabat al-Nahdah.
- al-Balādhurī, Aḥmad ibn Yahyā ibn Jābir. 1996. *Ansāb al-Ashraf*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Gabrieli, Francesco. 1965. *A Short History of the Arabs*. Great Britain: Bristol Typesetting Co. Ltd.
- Hitti, Philip K. 1970. *History of the Arabs*. London and Basingstoke: The Macmillan Press. Ltd.
- Ibn Abī al-Ḥadīd. 1965. *Syarḥ Nahj al-Balāghah*. t.tp: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athīr, Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Muḥammad al-Shaybānī, 1987. *al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’. 1966. *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Beirut: Maktabat al-Ma‘ārif.
- Ibn Ṭīqtaqā, Muḥammad ibn ‘Alī ibn Ṭabātibā, 1966, *al-Fakhrī fī al-Adāb al-Sulṭāniyyah wa al-Duwal al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār Bayrūt.
- Ibrāhīm Anīs. et at. t.th. *al-Mu‘jam al-Wasīṭ*. Beirut: Dār al-Ma‘ārif.
- Imamuddin, S.M. 1967. *A Political History of the Muslims (Prophet and Pious Caliphs)*. Dacca, Pakistan: Zeeco Press.
- Kamus Dewan*. 2000. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahya. 1989. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Bangi: Penerbit UKM Bangi.
- Maḥmūd Shākīr. 1983. *al-Tārīkh al-Islāmi*. Beirut: al-Maktab al-Islāmi.
- Marzuki Hj Mahmood. 1994. *Isu-isu Kontroversi Dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa’ al-Rasyidin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Mas‘ūdī, Abū al-Hasan ‘Alī ibn Ḥusayn ibn ‘Alī al-Mas‘ūdī, 1970, *Murūj al-Dhahab wa Ma‘ādin al-Jawhar*. Beirut: Barbin De Minar & Bafih De Kirtai.
- Maulana Muhammad Ali. 1951. *The Early Caliphate*. Lahore: Ahmadiyyah Anjuman Ishaat Islam.
- Osborn, Robert Durie. 1976. *Islam Under the Arab*. London: Longmans, Green and Co.
- Qal‘ajī. & Qunaybī. 1988. *Mu‘jam Lughat al-Fuqahā’*. Beirut: Dār al-Nafā’is.
- Shalabī, Aḥmad. 1988. *Mawsū‘at al-Tārīkh al-Islāmi*. Kaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muḥammad ibn Jarīr, 1988, *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Taha Husayn. 1966. *al-Fitnah al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Ma‘ārif.
- ‘Umar Abū al-Naṣr. 1962. *al-Mawsū‘ah al-Tārīkhiyyah: Mu‘āwiyah ibn Abī Sufyān*. Beirut: al-Maktabah al-Ahliyyah.
- al-Ya‘qubī, Aḥmad ibn Abī Ya‘qūb ibn Ja‘far ibn Wahb ibn Wādīḥ al-Kātib al-‘Abbāsī. 1993. *Tārīkh al-Ya‘qubī*. Beirut: Mu‘assasat al-‘Īlāmī li al-Maḥṭū‘at.